



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Pengambilan Tanah (Pindaan) 1983
DR.34/1983

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1983. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menambahkan selepas subseksyen (2), subseksyen baru (3) dan (4) yang berikut: Pindaan seksyen 4. 34/60.

"(3) A notification under subsection (1) shall lapse in so far as it relates to any land or part of any land in respect of which there is not published in the *Gazette* within twelve months from the date of publication of such notification a declaration under subsection (1) of section 8.

(4) Notwithstanding subsection (3), it shall be lawful for the State Authority to publish a fresh notification under subsection (1) of section 4 in respect of the land or part of the land in relation to which the notification had lapsed if the State Authority is satisfied that such land or such part of the land is likely to be needed for any of the purposes referred to in section 3."

Pindaan
seksyen 8.

3. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan menam-
bahkan selepas subseksyen (3), subseksyen baru (4)
yang berikut:

“(4) A declaration under subsection (1) shall
lapse and cease to be of any effect on the expiry
of two years after the date of its publication in
the *Gazette* in so far as it relates to any land or
part of any land in respect of which the Collector
has not made an award under subsection (1) of
section 14 within the said period of two years,
and, accordingly, all proceedings already taken
or being taken in consequence of such declara-
tion in respect of such land or such part of the
land shall terminate and be of no effect.”.

Pindaan
seksyen 12.

4. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan me-
masukkan selepas perkataan “cause” dalam subseksyen
(3) perkataan-perkataan “to be recorded by him in
writing”.

Pindaan
seksyen 14.

5. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan
subseksyen (3) yang berikut:

“(3) An award under this section shall
not be invalidated by reason only of the
fact that the area in respect of which the
award is made is greater or smaller than
the area of scheduled land:

Provided that the difference between the
area in respect of which the award is made
and the area of scheduled land does not
exceed one quarter of a hectare or one per-
centum of the area of scheduled land,
whichever is the greater:

And provided further that any person
interested who is aggrieved by any increase
in the area in respect of which the award is
made may make an objection to the award
in the manner prescribed by section 37.”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan
“half an acre” dalam perenggan (a), dan
perkataan-perkataan “half an acre,” dalam
perenggan (b), subseksyen (4) dengan per-
kataan-perkataan “one quarter of a hectare or
one percentum, whichever is the greater.”.

6. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 15.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “instead of assessing or awarding” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “whether by way of full or partial substitution for”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perkataan “entry” dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan “of the particulars”, dan dengan memotong perkataan-perkataan “, and record therein the fact that no monetary compensation has been assessed or awarded” dalam subseksyen itu.

7. Seksyen 27 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 27.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “documents and deeds” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “the issue document of title or other deed or deeds evidencing title”; dan

(b) (i) dengan menggantikan perkataan-perkataan “a deed” di mana jua terdapat dalam subseksyen (2) dan (3) dengan perkataan-perkataan “an issue document of title or other deed evidencing title”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan-perkataan “the deed” di mana jua terdapat dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “the issue document of title or other deed evidencing title”.

8. Seksyen 29A Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 29A.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “five thousand” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “fifteen thousand”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “six” dalam subseksyen (5) dengan perkataan “eight”.

9. Seksyen 31 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “thereto” perkataan-perkataan “within three months or such longer period as the Collector may specify in his demand”.

Pindaan
seksyen 31.

Pindaan
seksyen 32.

10. Seksyen 32 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “taking possession of such land” dan perkataan-perkataan “the time of so taking possession” masing-masingnya dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “the due date”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “taking possession of” dalam subseksyen (1B) dengan perkataan-perkataan “the due date in relation to”;

(c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “time of so taking possession” dalam subseksyen (1B) dengan perkataan-perkataan “due date”;

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (1B), subseksyen (1c) yang berikut:

“(1c) In this section “due date” in relation to any land means the date of taking possession of the land or a date three months after the service of a notice under subsection (1) of section 16 in respect of the land, whichever is the earlier.”; dan

(e) dengan menggantikan perkataan “six” dalam subseksyen (1), (1B) dan (2) masing-masingnya dengan perkataan “eight”.

Pindaan
seksyen 35.

11. Seksyen 35 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “or subsection (2) of section 9” dalam perenggan (a) subseksyen (2).

Pindaan
seksyen 37.

12. Seksyen 37 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “five hundred” dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “three thousand”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “five thousand” dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “fifteen thousand”.

Pindaan
seksyen 38.

13. Seksyen 38 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan “determination” dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan “, and a copy thereof shall be forwarded by the Collector to the Registrar of the Court”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "as soon as may be" dalam subseksyen (5) dengan perkataan-perkataan "within three months"; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (5), subseksyen (6) dan (7) yang berikut:

"(6) Where the Collector has failed to make a reference to the Court within the period specified in subsection (5), the Collector or any person interested may apply to the Court for an extension of the said period.

(7) Where the Collector has failed to make a reference to the Court within the period specified in subsection (5) or within any extension of such period under subsection (6), the Court may, on application by any person interested deal with the objection under subsection (1) of section 38 in such manner as it deems fit, and in order to enable the Court to do so, the Court may give such directions to the Collector or to any person interested as it deems necessary or expedient, and without prejudice to the generality of this power, such directions may include a direction requiring the Collector or any other person to appear before the Court to give evidence, or to produce before the Court such records, or other documents, as the Court may specify."

14. Seksyen 39 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "one thousand" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "one thousand five hundred".

Pindaan
seksyen 39.

15. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 40, 41, 42 dan 46.

Pemotongan
seksyen 40,
41, 42 dan
46.

16. Subseksyen (1) seksyen 47 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "and by the assessor or assessors, if any, concurring therein".

Pindaan
seksyen 47.

17. Seksyen 48 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "six" dengan perkataan "eight".

Pindaan
seksyen 48.

Pindaan
seksyen 1,
Jadual
Pertama.

18. Seksyen 1 Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “twelve” dalam perenggan (a) subseksyen (1) dengan perkataan “six”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2), subseksyen (2A), (2B) dan (2C) yang berikut:

*Treng.
En. 17/1360.*

“(2A) In assessing the market value of any scheduled land which is Malay reservation land under any written law relating to Malay reservations, or a Malay holding under the Malay Reservation Enactment of Trengganu, or customary land in the State of Negeri Sembilan or the State of Malacca, the fact that it is such Malay reservation land, a Malay holding, or customary land shall not be taken into account.

(2B) In assessing the market value of any scheduled land which is indicated in any development plan under any law relating to town or country planning, whether expressly or by implication, as land intended for a public purpose, or which is subject to a requisition notice under any such law, or in respect of which there has been compliance with any such requisition notice, the land shall be treated as if it had not been indicated in the development plan as land intended for a public purpose and was not in fact so intended or, as the case may be, as if it was not subject to the requisition notice or there had been no compliance therewith.

(2C) In assessing the market value of any scheduled land which but for the acquisition would continue to be devoted to a purpose of such a nature there is no general demand or market for that purpose, the assessment shall be made on the basis of the reasonable

cost to the proprietor of the scheduled land of using or purchasing other land and devoting it to the same purpose to which scheduled land is devoted, if the Collector is satisfied that this is *bona fide* intended by the proprietor of the scheduled land.”.

19. Seksyen 2 Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 2,
Jadual
Pertama.

- (a) dengan memotong perkataan “and” pada penghujung perenggan (d);
- (b) dengan menggantikan noktah pada penghujung perenggan (e) dengan koma bernoktah dan memasukkan selepas koma bernoktah perkataan “and”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (e), perenggan (f) yang berikut:

“(f) where only part of the land is to be acquired, any undertaking by the State Authority, or by the Government, person or corporation on whose behalf the land is to be acquired, for the construction or erection of roads, drains, walls, fences or other facilities benefiting any part of the land left unacquired, provided that the undertaking is clear and enforceable.”.

20. Seksyen 3 Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 3,
Jadual
Pertama.

- (a) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan (d) yang berikut:

“(d) any depreciation in the value of the land acquired likely to result from the use to which it will be put when acquired;” dan

- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “repair” dalam perenggan (f) perkataan-perkataan “, and unless, in the case of agricultural land, it is any money which has been expended for the continuing cultivation of crops on it”.

Peralihan.

21. Pindaan-pindaan yang dibuat oleh Akta ini tidaklah terpakai—

- (a) bagi mana-mana tanah yang berkenaan dengannya ada berkuatkuasa, sebelum mula berkuatkuasa Akta ini, apa-apa pemberitahuan di bawah subseksyen (1) seksyen 4, atau apa-apa pengisytiharan di bawah subseksyen (1) seksyen 8, Akta ibu, dan semua prosiding yang berbangkit dari pemberitahuan atau pengisytiharan tersebut hendaklah diambil, atau jika ianya sedang berlangsung, hendaklah diteruskan dan diputuskan, mengikut peruntukan-peruntukan Akta ibu sebagaimana yang ada sebelum pindaan-pindaan dibuat kepadanya oleh Akta ini; atau
- (b) bagi mana-mana prosiding atau mana-mana bantahan atau mana-mana rujukan kepada Mahkamah, di bawah Akta ibu yang masih belum selesai sebelum sahaja mula berkuatkuasa Akta ini; atau
- (c) bagi mana-mana perkara, perbuatan atau apa jua benda yang dikehendaki dibuat di bawah Akta ibu berhubungan dengan pemberitahuan atau mana-mana pengisytiharan, atau mana-mana prosiding, bantahan, atau rujukan kepada Mahkamah yang tersebut dalam perenggan di atas.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi beberapa maksud seperti yang dinyatakan di bawah ini.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 4 dengan menambah subseksyen baru (3) dan (4). Subseksyen baru (3) memperuntukkan bahawa pemberitahuan di bawah subseksyen (1) mengenai mana-mana tanah yang mungkin dikehendaki bagi maksud-maksud yang disebut dalam seksyen 3 boleh berkuatkuasa hanya bagi tempoh dua belas bulan selepas penviarannya dalam *Warta* melainkan jika diikuti dalam masa tersebut dengan satu pengisytiharan di bawah seksyen 8 bahawa tanah itu dikehendaki bagi maksud tersebut. Subseksyen baru (4) memperuntukkan bahawa, meskipun terluputnya pemberitahuan itu, maka adalah sah bagi suatu pemberitahuan baru di bawah subseksyen (1) disiarkan berkenaan dengan tanah atau sebahagian tanah yang terjejas dengan keputusan pemberitahuan itu.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 8 dengan menambah subseksyen baru (4). Subseksyen baru (4) memperuntukkan bahawa sesuatu pengisytiharan di bawah subseksyen (1) seksyen 8 bahawa mana-mana tanah yang dikehendaki bagi apa-apa maksud yang dinyatakan dalam seksyen 3 adalah terluput dan terhenti dari berkuatkuasa apabila habis tempoh dua tahun dari penyarannya dalam *Warta* melainkan jika dalam tempoh tersebut Pemungut membuat satu award di bawah subseksyen (1) seksyen 14.

4. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 14 dengan menggantikan subseksyen (3) dengan yang baru dan meminda subseksyen (4) (a) dan (4) (b) dan dengan itu membenarkan marjin perbezaan yang lebih besar di antara kawasan yang diisytiharkan dengan kawasan yang diambil.

5. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 15 untuk memberi Pemungut kuasa membuat apa-apa pekiraan dengan seorang yang berkepentingan dengan cara penggantian pampasan yang sepe-nuhnya atau sebahagiannya.

6. *Fasal 7* bertujuan meminda subseksyen (1), (2) dan (3) seksyen 27 dengan memasukkan ke dalamnya dokumen hakmilik keluaran, dan dengan itu mengadakan peruntukan bagi cara pelupusannya jika ia telah diserahkan menurut seksyen 24.

7. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 31 supaya memperuntukkan tempoh tiga bulan, atau suatu tempoh yang lebih lama seba-gaimana dinyatakan oleh Pemungut, dalam mana seseorang yang telah menerima pampasan mestilah memulangkannya kepada Pemungut dan membayarnya kepada orang yang berhak.

8. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 32 dengan mengadakan peruntukan bahawa jika amaun pampasan tidak dibayar atau di-depositkan pada tarikh mengambil milikan tanah atau satu tarikh tiga bulan selepas penyampaian notis award, mengikut mana yang lebih awal, maka faedah lapan peratus hendaklah ditambahkan kepada award itu sehingga pembayaran dibuat.

9. *Fasal 12* bertujuan meminda subseksyen (2) seksyen 37 bagi mengadakan peruntukan bahawa sesuatu award itu adalah muk-tamad jika amaun yang dituntut sebagai pampasan adalah tiga ribu ringgit menggantikan had lima ribu ringgit yang diperuntukkan sekarang ini. *Fasal* ini juga meminda subseksyen (3) seksyen 37 bagi mengadakan peruntukan bahawa Kerajaan, orang atau perbadanan yang bagi pihaknya tanah diambil untuk kemudahan awam boleh membuat bantahan di bawah subseksyen (1) hanya jika jumlah amaun pampasan yang diawardkan itu melebihi lima belas ribu ringgit, menggantikan lima ribu ringgit pada masa kini.

10. *Fasal 13* (a) bertujuan menambah kepada subseksyen (1) sek-syen 38 keperluan supaya satu salinan Borang N dikemukakan ke-pada Pendaftar Mahkamah. *Fasal 13* (b) bertujuan meminda per-kataan-perkataan "as soon as may be" dalam subseksyen (5) sek-syen 38 dengan "three months" untuk mempercepatkan rujukan-rujukan dibuat ke Mahkamah. *Fasal 13* (c) memasukkan satu sub-seksyen 6 baru yang memberikan hak kepada Pemungut atau

mana-mana orang yang berkepentingan untuk memohon kepada Mahkamah bagi perlanjutan tempoh selama tiga bulan itu. *Fasal 13 (d)* memperuntukkan selanjutnya dalam subseksyen (7) baru bahawa Mahkamah boleh menguruskan bantahan mengikut apa-apa cara yang sesuai atas permohonan mana-mana orang yang berkepentingan jika rujukan telah tidak dibuat kepada Mahkamah dalam tempoh tiga bulan yang tersebut atau apa-apa perlanjutan-nya.

11. *Fasal 14* meminda seksyen 39 dengan menambahkan amaun deposit yang dikehendaki supaya didepositkan oleh seseorang yang memohon rujukan kepada Mahkamah dari satu ribu ringgit ke satu ribu lima ratus ringgit.

12. *Fasal 15* mencadangkan supaya seksyen 40, 41, 42 dan 46 dipotong yang membawa kesan bahawa mulai sekarang sesuatu bantahan boleh didengari oleh seorang hakim yang bersidang seorang diri tanpa sebarang pengapit atau pengapit-pengapit hakim.

13. *Fasal 18* bertujuan meminda seksyen 1 Jadual Pertama. *Fasal 18 (a)* mengadakan peruntukan bagi menyingkatkan tempoh dalam subseksyen (1) (a) seksyen 1 dari dua belas bulan ke enam bulan. *Fasal 18 (b)* bertujuan menambah subseksyen (2A), (2B) dan (2C) baru. Subseksyen (2A) yang dicadangkan memperuntukkan bahawa dalam mentaksirkan nilai pasaran mana-mana tanah dijadualkan fakta bahawa tanah tersebut adalah tanah rizab Melayu, atau pegangan Melayu di Trengganu atau tanah adat Negeri Sembilan atau Negeri Melaka tidak boleh diambil kira. Subseksyen (2B) memperuntukkan bahawa dalam mentaksirkan nilai pasaran mana-mana tanah dijadualkan yang ditunjukkan di dalam mana-mana rancangan pembangunan di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan perancangan bandar atau desa yang dicadangkan untuk sesuatu maksud awam atau tertakluk kepada atau telah terdapat pematuhan dengan, sesuatu notis rekuisisi, ia hendaklah dianggapkan seolah-olah ianya telah tidak ditunjukkan sedemikian dalam rancangan pembangunan, atau seolah-olah ianya tidak tertakluk kepada, atau tidak ada sebarang pematuhan dengan, sesuatu notis rekuisisi. Subseksyen (2C) memperuntukkan bahawa jika tanah dijadualkan itu dikehendaki untuk sesuatu tujuan dari apa-apa jenis yang tidak mempunyai sebarang permintaan am atau pasaran bagi maksud tersebut, maka pentaksirannya hendaklah dibuat atas dasar kos berpatutan bagi penempatan semula di suatu tempat lain jika dihajatkan dengan *bona fide*.

14. *Fasal 19* bertujuan meminda seksyen 2 Jadual Pertama dengan memasukkan perenggan (f) baru bagi membuat peruntukan bahawa jika hanya sebahagian daripada tanah diambil, Pemungut dalam mengawardkan pampasan boleh memberi pertimbangan terhadap apa-apa faedah yang terakru kepada bahagian tanah yang tidak diambil dari pembinaan jalan, parit atau lain-lain kemudahan oleh ejensi pengambil, jika ada suatu akujanji yang jelas dan boleh dikuatkuasakan olehnya untuk membinanya.

15. *Fasal 20* bertujuan meminda perenggan (d) seksyen 3 Jadual Pertama bagi membuat peruntukan bahawa pada menentukan amaun pampasan yang akan diawardkan susutnilai harga tanah yang diambil yang mungkin akan berlaku dari tujuan tanah itu akan digunakan selepas pengambilan hendaklah diketepikan. Ia juga bertujuan membuat peruntukan lanjut dalam perenggan (f) bahawa jika tanah yang hendak diambil itu ialah tanah pertanian, belanja yang ditanggung selepas tarikh pengisytiharan di bawah seksyen 8 disiarkan kerana meneruskan bercucuk tanam atasnya boleh diberi pertimbangan pada menentukan amaun pampasan itu.

16. *Fasal 21* bertujuan membuat peruntukan-peruntukan peralihan yang memperuntukkan bahawa pindaan-pindaan yang hendak dibuat oleh Akta yang dicadangkan kepada Akta ibu tidaklah terpakai bagi mana-mana tanah yang berkenaan dengannya satu pemberitahuan di bawah subseksyen (1) seksyen 4 atau satu pengisytiharan di bawah subseksyen (1) seksyen 8 ada berkuatkuasa sebelum sahaja mula berkuatkuasa Akta yang dicadangkan. Ia juga memperuntukkan bahawa pindaan-pindaan tersebut tidaklah terpakai bagi mana-mana prosiding, bantahan, atau rujukan kepada Mahkamah yang masih belum selesai sebelum sahaja mula berkuatkuasa Akta yang dicadangkan, atau bagi mana-mana perkara, perbuatan atau benda yang dikehendaki dibuat di bawah Akta ibu berhubungan dengan mana-mana pemberitahuan, pengisytiharan, prosiding, bantahan, atau rujukan yang tersebut di atas kepada Mahkamah.

17. Peruntukan-peruntukan lain dalam Rang Undang-Undang ini mengadakan peruntukan bagi penambahan faedah daripada 6 peratus kepada 8 peratus setahun, dan bagi lain-lain perkara berbangkit atau kecilan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan perbelanjaan wang tambahan Kerajaan, yang amaunnya tidak dapat ditentukan pada masa ini. [PN. (U²) 917.]